

**TEKS UCAPAN DATO SERI DR SITI HASMAH BT. HAJI MOHD. ALI
ODITORIUM UTAMA, HOSPITAL KUALA LUMPUR
MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN ULANGTAHUN KE-25 RAWATAN
PEMINDAHAN BUAH PINGGANG
13 FEBUARI 2001**

Saya mengucapkan terima kasih di atas undangan ini untuk saya meraikan bersama tuan-tuan dan puan-puan sambutan ulangtahun ke-25 Rawatan Pemandahan Buah Pinggang. Upacara menyambut ulangtahun ini amat bermakna sekali. Selain daripada mengenang jasa pihak-pihak yang terlibat ia juga memberi peluang bagi kita mengkaji semula pencapaian kita serta membaharui azam untuk bekerja dengan lebih gigih pada masa hadapan.

2. Rawatan pemindahan organ adalah salah satu pencapaian sains perubatan moden yang terkemuka pada abad yang lalu. Selain daripada merintis cara-cara pembedahan baru ia juga telah membangunkan sains imunologi dan sains perubatan lain. Rawatan pemindahan organ telah dapat menyelamatkan beratus ribu nyawa. Bagi pesakit kegagalan jantung, hati, paru-paru dan beberapa organlain, tiada rawatan alternatif selain daripada pemindahan organ. Bagi kegagalan buah pinggang terdapat rawatan alternatif iaitu dialisis. Namun kualiti hidup adalah lebih baik dengan rawatan pemindahan buah pinggang jika di banding dengan dialisis.

3. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Hospital Kuala Lumpur dan khususnya kepada Jabatan-jabatan Nefrologi dan Urologi di atas pencapaian mereka dalam bidang dialisis dan pemindahan buah pinggang. Saya difahamkan bahawa pemindahan buah pinggang pertama, malah pemindahan organ pertama dijalankan di Hospital Kuala Lumpur pada 15 Disember 1975. Pada hari itu Dato' Dr. Hussein Awang dan pasukan beliau di bantu oleh Pakar Bius Dr. Ahmad Abdullah dan juga Dr. Anis Ahmad telah menjalankan pembedahan yang bersejarah ini. Encik Martin Rinyeb telah menerima buah pinggang daripada adik beliau Encik Augustin. Dr. Abu Bakar Suleiman (sekarang Tan Sri) yang pulang dari latihan di luar negara sejurus selepas pembedahan itu telah mengambil alih penjagaan Encik Martin.

4. Menjadi perintis dalam mana-mana usaha pun memerlukan keyakinan diri, ketabahan hati dan juga keberanian. Jika usaha itu melibatkan pembedahan maka keyakinan pada diri sendiri dan bagi pesakit keyakinan pada doktor dan kakitangan perubatan amatlah mustahak. Saya juga difahamkan bahawa buah pinggang yang dipindahkan masih lagi berfungsi dengan baik. Alhamdulillah! selain dapat mendidik anak-anak beliau hingga dewasa Encik Martin sekarang di kurniakan dengan cucu dan dapat memainkan peranan dalam kehidupan masyarakat tempatan. Semoga beliau dapat terus menikmati kesihatan yang berada dengan beliau sekarang bersama dengan keluarga.

5. Perkembangan program pemindahan buah pinggang selepas itu membangun

dengan pesat di bawah pimpinan Dr. Abu Bakar dan Dr. Hussein Awang.

6. Sebelum pemindahan buah pinggang dilakukan, hemodialisis dijalankan dahulu. Pada awal hanya terdapat satu unit hemodialisis di Kementerian Kesihatan iaitu di Hospital Kuala Lumpur. Pesakit-pesakit yang ingin dapat rawatan pemindahan organ terpaksa pindah ke Hospital Kuala Lumpur dan tinggal di sini berbulan-bulan. Jika pemindahan buah pinggang itu gagal mereka terpaksa berpindah ke Kuala Lumpur selamanya. Ini telah membebankan bukan sahaja dari segi kewangan tetapi juga dari segi sosial kerana pesakit-pesakit terpaksa tinggal asing dari keluarga. Pada awal tahun 1980an kesedaran orang awam telah pun meningkat dan kejayaan pemindahan buah pinggang telah pun terbukti. BAKTI mengambil keputusan untuk menderma RM600,000 kepada Kementerian Kesihatan melalui Dr. Abu Bakar Suleiman. Dengan sumbangan ini Kementerian dapat menubuhkan enam buah unit dialisis di seluruh negara, iaitu di Sibu, Kota Kinabalu, Alor Setar, Ipoh, Pulau Pinang dan Johor Bahru. Dengan adanya pusat-pusat ini pesakit-pesakit yang ingin mendapat rawatan pemindahan buah pinggang boleh dapat rawatan dialisis di hospital berdekatan sebelum datang ke Kuala Lumpur. antuan BAKTI ini bukan sahaja membantu program pemindahan buah pinggang tetapi rawatan pesakit-pesakit lain yang memerlukan dialisis. Kamisentiasa prihatin kepada masalah golongan ini dan telah pun membantu kumpulan NGO lain yang cergas dalam bidang ini.

7. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan kerana dalam masa beberapa tahun sahaja ia telah dapat membangun kedua-dua perkhidmatan dialisis dan pemindahan buah pinggang dengan pesat. Sekarang terdapat 42 pusat dialisis di Kementerian yang terletak di seluruh negara dan lebih daripada 750 pembedahan pemindahan buah pinggang di jalankan.

8. Pengalaman yang diperolehi daripada program rawatan pemindahan buah pinggang telah pun mendorong pembangunan pemindahan jantung dan hati. Pada 18 Disember 1997 Datuk Dr. Yahya Awang dari Institut Jantung Negara telah pun mencatat sejarah dengan menjalankan pemindahan jantung pertama di negara kita. Selain itu Pusat Perubatan Subang Jaya telah pun menjalankan pemindahan hati. Pemindahan tulang sum-sum telah pun berjalan untuk beberapa tahun di Hospital Universiti dan Hospital Kuala Lumpur. Pemindahan mata telah dimulakan lebih awal lagi di negara ini. Kita patut berbangga dengan pencapaian sekarang dan menumpu perhatian untuk membangun program pemindahan organ dengan lebih pesat. Bagi pemindahan jantung, hati dan mata kita memerlukan penderma cadaveric. Saya di beritahu bahawa Kementerian bersama beberapa badan-badan NGO sekarang giat menjalankan aktiviti pendidikan bagi orang awam untuk menggalakkan mereka menderma organ.

9. Akhir kata sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada semua yang terlibat dalam pemindahan buah pinggang yang pertama di negara ini. Mudah-mudahan apa yang di contohi mereka akan menjadi inspirasi kepada doktor-doktor lain untuk terus berusaha merintis bidang-bidang baru dalam sains perubatan. Dengan ini ia bukan sahaja membawa faedah kepada pesakit tetapi juga kegemilangan kepada negara.

10. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamu' alaikum warahmatullahi wabarakatuh